



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
52590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA

Bagi Minggu 11/2011 (13 hingga 19 Mac 2011)

Sepanjang minggu ke-11 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 13 hingga 19 Mac 2011, sejumlah 357 kes Demam Denggi telah dilaporkan di seluruh negara, menurun sebanyak 40 kes atau 10% berbanding 397 kes pada minggu sebelumnya. Walau bagaimana pun, terdapat dua buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 11 kes (10%) dan Johor meningkat sebanyak 10 kes (26%) (Lampiran A).

Jumlah terkumpul kes sehingga 19 Mac 2011 adalah 4,859, penurunan sebanyak 57% atau 6,501 kes berbanding dengan 11,360 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Kes kematian akibat Denggi juga menurun sebanyak 80% atau 32 kematian, di mana terdapat 8 kematian bagi tahun 2011 berbanding 40 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 79 lokaliti wabak di 23 buah daerah dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 3 lokaliti *hot spots* dikenalpasti dengan melibatkan sebanyak 44 kes Demam Denggi (Lampiran C). Aktiviti pencegahan dan kawalan Denggi dilakukan oleh anggota kesihatan di mana

sejumlah 80,329 premis telah diperiksa pada minggu lepas dan 938 daripada premis ini mempunyai pembiakan Aedes. Sebanyak 71% bekas yang mempunyai pembiakan didapati di luar premis. Jenis-jenis tempat pembiakan yang dijumpai ialah bekas plastik (27%), baldi plastik (4%), pasu bunga (3%) dan polistren (3%). Manakala di dalam rumah ialah cawan (7%), bekas plastik (7%) dan kolah mandi (4%).

Walaupun jumlah lokaliti *hot spots* telah berkurang, namun masyarakat tidak boleh leka dan aktiviti memeriksa serta menghapuskan tempat pembiakan Aedes perlu diteruskan setiap minggu. Kaedah berkekalan bagi mencegah Denggi ialah dengan menghapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes dan ini memerlukan penyertaan sepenuhnya oleh masyarakat. Bagi merangsang penyertaan masyarakat, Gotong-Royong Perdana “Jom Ganyang Aedes” telah diadakan pada 19 Mac 2011 di Bentong, Pahang. Gotong-royong ini telah disempurnakan oleh Y.B. Dato’ Sri Liow Tiong Lai, Menteri Kesihatan Malaysia dan dihadiri kira-kira 300 orang penduduk setempat. In membuktikan penduduk setempat prihatin untuk memastikan kawasan persekitaran bersih daripada pembiakan nyamuk Aedes. Program mobilisasi dan memperkasakan masyarakat seperti ini akan diteruskan dari masa ke semasa. Sehingga 19 Mac 2011, sebanyak 1,850 projek COMBI telah ditubuhkan dengan 26,802 sukarelawan telah dilantik bagi menggerakkan aktiviti-aktiviti yang dirancang. Selain itu, sebanyak 166 projek COMBI telah ditubuhkan melalui kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO’s)

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 13 hingga 19 Mac 2011, berbanding 1 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 10 kes, penurunan sebanyak 98% berbanding dengan 486 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

21 Mac 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 11/2011
(13 hingga 19 Mac 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 11/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 11/2010
		Minggu 11 (13 – 19 Mac 2011)	Minggu 10 (6 – 12 Mac 2011)		
1	Perlis	0	0	19	30
2	Kedah	4	12	127	104 (1)
3	P. Pinang	36	36	401 (1)	280 (2)
4	Perak	28	39	322	361
5	Selangor	127	116	1,682 (1)	5,274 (22)
6	WPKL & Putrajaya	18	26	335	1,223 (2)
7	N. Sembilan	13	22	148	548 (1)
8	Melaka	7	12	130	99 (2)
9	Johor	48	38	524 (4)	640 (2)
10	Pahang	25	32	294 (1)	299 (1)
11	Terengganu	13	14	237 (1)	245
12	Kelantan	8	12	189	221 (1)
13	Sarawak	22	22	302	1,496 (5)
14	Sabah	8	16	145	533 (1)
15	WP Labuan	0	0	4	7
	MALAYSIA	357	397	4,859 (8)	11,360 (40)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 11/2011
(13 hingga 19 Mac 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 11/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 11/2010
		Minggu 11 (13 – 19 Mac 2011)	Minggu 10 (6 – 12 Mac 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	2
4	Perak	0	0	2	3
5	Selangor	0	0	0	12
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	1	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	0	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	1	451
14	Sabah	0	1	6	6
15	WP Labuan	0	0	0	7
	MALAYSIA	0	1	10	486

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA
MINGGU 11 BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBSA (PT)	Seksyen 27 (Flat B: Blok 35 & 36)	9	32
2	SELANGOR	MPAJ (HL)	Pandan Mewah (Zon B)	18	30
3	WPKL	Kepong	RKAT Ampat Tin	17	52